

Pembukaan Jalan  
Central Spine  
Jajaran Bentong

13 Projek Mendapat Markah  
QLASSIC Atas 85%, 40 Projek  
Perolehi 5 Bintang SHASSIC

Penyerahan Surat Setuju  
Terima Tender (SST) Dan  
Penyerahan Projek Siap

SEPTEMBER – DISEMBER 2021

03

# BINA

KEMENTERIAN KERJA RAYA




ISSN 2600-8610



9 772600 861008

Terbitan: Unit Komunikasi Korporat Kementerian Kerja Raya



kk\_r\_malaysia



Kementerian Kerja Raya



@MOWorks



Kementerian Kerja Raya Malaysia Official

[www.kkr.gov.my](http://www.kkr.gov.my)

## Seksyen Serian Lebuhraya Pan Borneo Sarawak dibuka kepada Pengguna

**SERIAN, SARAWAK, 5 DISEMBER 2021** – YAB Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob, Perdana Menteri telah merasmikan pembukaan Pakej 3, Seksyen Serian Lebuhraya Pan Borneo Sarawak sepanjang 33.65 kilometer untuk meningkatkan jaringan infrastruktur jalan raya yang sistematik dan efisien untuk Keluarga Malaysia khususnya di negeri Sarawak.



Berita Selanjutnya



<https://www.kkr.gov.my/ms/node/45092>

## Projek Lebuhraya Pan Borneo Sabah Pakej 28, 29 dan 30 Dilancarkan

**KINABATANGAN, SABAH, 6 NOVEMBER 2021** – Pembinaan Lebuhraya Pan Borneo Sabah bagi Pakej 28, 29 dan 30 sepanjang 58 kilometer dengan kos pembinaan sebanyak RM877juta dilancarkan oleh Perdana Menteri, YAB Dato' Sri Ismail Sabri Yaakob. Ketiga-tiga pakej kerja ini mengambil masa tiga tahun dan dijangka siap pada Oktober 2024 dan akan merentasi Sandakan sehingga Telupid.



Berita Selanjutnya



<https://www.kkr.gov.my/ms/node/45008>

## Pembukaan Jalan Central Spine Jajaran Bentong Tingkatkan Keselesaan Pengguna

**BENTONG, PAHANG, 7 OKTOBER 2021** – Dua lagi Seksyen Jalan Central Spine di Negeri Pahang dibuka secara rasmi iaitu Jajaran Seksyen 5C dan 5D bermula dari Jalan Susur Lebuhraya Kuala Lumpur – Karak (Lebuhraya Pantai Timur – LPT) ke Persimpangan Keruntung, Pahang sepanjang 22.3 kilometer ini diwartakan sebagai Jalan Persekutuan 34.



Berita Selanjutnya



<https://www.kkr.gov.my/ms/node/44859>

## Majlis Pecah Tanah Pembinaan Projek Sarawak – Sabah Link Road (Lawas – Persimpangan Long Lopeng)

**LAWAS, SARAWAK, 30 OKTOBER 2021** – Pelancaran Projek Sarawak – Sabah Link Road (SSLR) Fasa Pertama jajaran Lawas ke Persimpangan Long Lopeng sepanjang 77 kilometer dengan kos keseluruhan projek sebanyak RM1.13 bilion telah diadakan pada 30 Oktober 2021. tempoh pembinaan adalah selama 53 bulan dan dijangka siap pada Januari 2026.



Berita Selanjutnya



<https://www.kkr.gov.my/ms/node/44941>

## Seksyen Julau Sepanjang 28.5 km Lebuhraya Pan Borneo Sarawak Kini Dibuka

**JULAU, SIBU SARAWAK, 20 NOVEMBER 2021**

– Seksyen Julau Lebuhraya Pan Borneo (LPB) Sarawak dibuka secara rasmi kepada pengguna. Pakej Kerja sepanjang 28.5 kilometer ini melibatkan kos pembinaan sebanyak RM537.4 juta melibatkan kerja-kerja menaiktaraf daripada dua lorong duahala (single carriageway) kepada empat lorong dua hala (dual carriageway).



Berita Selanjutnya



<https://www.kkr.gov.my/ms/node/45074>

## Memulih Ekonomi, Merancang Pembinaan Melalui Penyerahan Surat Setuju Terima Tender (SST) Dan Penyerahan Projek Siap

**KUALA LUMPUR, 21 OKTOBER 2021** – Kementerian Kerja Raya (KKR) komited untuk merencanakan semula sektor pembinaan dengan mempercepatkan pengeluaran Surat Setuju Terima (SST) kepada syarikat-syarikat yang terpilih dalam proses Perolehan Kerajaan. Majlis Penyerahan 5 SST dan penyerahan projek telah diadakan di KKR.



Berita Selanjutnya



<https://www.kkr.gov.my/ms/node/44916>

## Projek Hospital Baharu Sri Aman, Sarawak Diserah Kepada KKM

**SRI AMAN, SARAWAK, 15 DISEMBER 2021** – Hospital Baharu Sri Aman, Sarawak (108 Katil) telah diserahkan kepada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM). Penyerahan diadakan bagi memberi peluang kepada KKM untuk menempatkan peralatan perubatan dan latihan pengguna.



Berita Selanjutnya



<https://www.kkr.gov.my/ms/node/45126>

## Keselamatan dan Keselesaan Pemanduan Di Jalan Batu Pahat – Ayer Hitam – Kluang FT050 Diberi Perhatian

**BATUPAHAT, JOHOR, 11 NOVEMBER 2021** – Atas faktor keselamatan dan trafik semasa, Kerajaan Persekutuan telah memberi keutamaan dan meluluskan RM250 juta untuk menaiktaraf laluan FT050 dari Daerah Batu Pahat sehingga ke Daerah Ayer Hitam. Hadir menyempurnakan Penyerahan SST dan Pecah Tanah ini ialah Menteri Kanan Kerja Raya, YB Dato' Sri Haji Fadillah Bin Haji Yusof bersama Menteri Pengangkutan, YB Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong.



Berita Selanjutnya



<https://www.kkr.gov.my/ms/node/45014>

## Penyerahan Projek Naik Taraf Jalan Persekutuan Pulau Pinang

**PULAU PINANG, 28 SEPTEMBER 2021** – Laluan Persekutuan FT001 Dari Persimpangan Permatang Keling ke Jambatan Sungai Junjung, Simpang Empat di Daerah Seberang Perai Selatan, Pulau Pinang kini lebih selesa dan selamat setelah dinaik taraf dari 2 lorong kepada 4 lorong serta sistem perparitan jalan yang lebih baik bagi mengatasi masalah banjir kilat. Jajaran sepanjang 20 kilometer ini siap awal 2 hari iaitu pada 24 Februari 2021 dengan penjimatan sebanyak RM7.2 juta.



Berita Selanjutnya



<https://www.kkr.gov.my/ms/node/44825>

## Pemantauan Dan Sesi Libat Urus Prestasi Pembinaan Lebuhraya Pan Borneo - Sarikei Ke Bintulu

**SIBU, 11 SEPTEMBER 2021** - Menteri Kanan Kerja Raya, YB Dato' Sri Haji Fadillah Haji Yusof, hari ini turun padang buat kali kedua dalam tempoh satu bulan, bagi memeriksa sendiri pelaksanaan Projek Lebuhraya Pan Borneo (LPB) Sarawak di antara Sarikei ke Bintulu. Tinjauan tertumpu di Zon Tengah Sarawak yang merangkumi Pakej Kerja 06, 07, 08 dan 09.



Berita Selanjutnya



<https://www.kkr.gov.my/ms/node/44764>

## MARA dan CIDB Meterai MOU Tingkatkan Kapasiti Kontraktor IBS Bumiputera

**KUALA LUMPUR, 2 NOVEMBER 2021** - Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) dan Majlis Amanah Rakyat (MARA) hari ini, menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) sebagai inisiatif bersama dalam meningkatkan keupayaan dan kemampunan kontraktor Bumiputera supaya lebih berdaya saing di dalam industri pembinaan.



Berita Selanjutnya



<https://www.kkr.gov.my/ms/node/44967>

## Projek Pembinaan Flyover Medan Jaya Atasi Kesesakan di Bintulu

**BINTULU, SARAWAK, 27 NOVEMBER 2021**— Projek Pembinaan Flyover Jalan Medan Jaya – Jalan Tun Hussein Onn, Bintulu yang akan bermula secara rasmi pada 3 Disember 2021 dan jangkaan siap Disember 2024.. Projek dengan kos kontrak sebanyak RM137.7 juta ini melibatkan pembinaan sebuah flyover empat lorong dua hala yang bertujuan mengurangkan kesesakan trafik terutama pada waktu puncak.



Berita Selanjutnya



<https://www.kkr.gov.my/ms/node/45093>

## Pembinaan Jalan Akses Kawasan Selatan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching dan Penyerahan Sijil Kontraktor Penyiap

**KUCHING, 13 NOVEMBER 2021** – Projek Pembinaan Jalan Akses ke Kawasan Selatan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuching, Sarawak untuk penyuraian trafik dan Penyerahan Sijil Kontraktor Penyiap Siri 4 kepada 117 kontraktor penyiap yang berpeluang untuk menyertai pelawaan perolehan secara tender terbuka bagi projek-projek sakit oleh semua Agensi Kerajaan.



Berita Selanjutnya

<https://www.kkr.gov.my/ms/node/45015>



## 3 Subpakej Projek KBKK Dimuktamadkan Dan Bakal Menjadi Kelangsungan Kemudahan Infra Rakyat Kelantan

**KOTA BHARU, KELANTAN, 16 OKTOBER 2021** – Menteri Kanan Kerja Raya, YB Dato' Sri Haji Fadillah bin Haji Yusof telah turun padang meninjau status pelaksanaan projek Jalan Kota Bharu Ke Kuala Krai (KBKK). Sehingga 30 September 2021, KKR telah berjaya menyiapkan 13.9 kilometer daripada 67.6 kilometer (21%) projek KBKK melibatkan Pakej 1B (dari Pasir Hor ke Kadok) dan Pakej 2A (dari Kadok ke Ketereh).



Berita Selanjutnya

<https://www.kkr.gov.my/ms/node/44886>



## CIDB Malaysia dan Kerajaan Negeri Kelantan Meterai MOU untuk Pembangunan Taman Perindustrian IBS

**KOTA BHARU, 17 OKTOBER 2021** – Kerjasama Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) bersama Kerajaan Negeri Kelantan bakal mewujudkan Taman Perindustrian Sistem Binaan Berindustri (IBS) yang pertama di negara ini berkeluasan 200 ekar di Sungai Bagan, Machang. Ini akan memperkukuhkan jaringan ekosistem IBS di Malaysia.



Berita Selanjutnya

<https://www.kkr.gov.my/ms/node/44921>



## 13 Projek Mendapat Markah QCLASSIC Atas 85%, 40 Projek Perolehi 5 Bintang SHASSIC

**KUALA LUMPUR, 14 DISEMBER 2021** – Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) Malaysia meraikan syarikat-syarikat pembinaan yang berjaya mencapai skor yang tinggi dalam Sistem Penilaian Keselamatan dan Kesihatan Industri Pembinaan (SHASSIC) dan Sistem Penilaian Kualiti dalam Pembinaan (QCLASSIC). Pada tahun 2020 sebanyak 40 projek berjaya mencapai taraf 5 bintang dan 13 projek pembinaan telah mendapat skor 85 peratus.



Berita Selanjutnya

<https://www.kkr.gov.my/ms/node/45123>



## Hari Psikologi KKR 2021 Meraikan Kehidupan

**KUALA LUMPUR, 9 NOVEMBER 2021** - Sambutan Hari Psikologi KKR 2021 memilih tema "Meraikan Kehidupan", bagi menyemarakkan nilai penghargaan terutama dari aspek psikologi seperti kepentingan interaksi dalam masyarakat, percaya diri dan kesedaran berkaitan kesihatan mental dan fizikal. Majlis ini diadakan bersempena dengan Bulan Kaunseling dan Bulan Kesedaran Kesihatan Mental Sedunia



Berita Selanjutnya



<https://www.kkr.gov.my/ms/node/45016>

## Sambutan Hari Sukan Negara KKR 2021

**KUALA LUMPUR, 9 OKTOBER 2021** - Sambutan Hari Sukan Negara KKR 2021 telah diadakan secara hybrid iaitu secara fizikal dan maya bertujuan untuk menjadikan aktiviti sukan dan gaya hidup sihat sebagai amalan sepanjang hayat kerana ia adalah platform terbaik untuk memupuk dan menyemarakkan lagi semangat perpaduan di kalangan kita semua yang merupakan ahli Keluarga Malaysia.



Berita Selanjutnya



<https://www.kkr.gov.my/ms/node/44865>

## Majlis Apresiasi Budi dan Bakti KKR 2021

**KUALA LUMPUR, 16 NOVEMBER 2021** - Majlis Apresiasi Budi dan Bakti KKR bagi tahun 2021 diadakan bagi meraikan seramai 12 orang pesara dan bakal pesara termasuk YBhg. Datuk Dr. Datuk Dr. Syed Omar Sharifuddin bin Syed Ikhsan, Ketua Setiausaha KKR. Ada di kalangan pesara yang telah berkhidmat hampir 40 tahun dalam perkhidmatan awam.



Berita Selanjutnya



<https://www.kkr.gov.my/ms/node/45021>

## Pra Pelancaran Hari Profesion Teknikal Negara (HPTN) 2021

**KUALA LUMPUR, 22 NOVEMBER 2021** - Majlis Pra Pelancaran Hari Profesion Teknikal Negara 2021(HPTN 2021) telah disempurnakan oleh Ketua Setiausaha Negara, YBhg. Tan Sri Dato' Seri Mohd Zuki Bin Ali. HPTN merupakan sambutan tahunan dan simbolik penghargaan kepada jasa warga teknikal atas sumbangan mereka terhadap kemajuan infrastruktur dan landskap pembangunan dan permodenan negara.





Berita Selanjutnya



<https://www.kkr.gov.my/ms/node/45072>

# BAJET KELUARGA MALAYSIA KKR 2022

**Meneruskan pelaksanaan projek pembangunan infrastruktur negara bernilai **RM3.5 bilion ringgit**, antaranya pembinaan **Lebuh Raya Pan Borneo** dan **Central Spine Road**.**



#Bajet2022 Keluarga Malaysia  
[budget.mof.gov.my/manfaat](https://budget.mof.gov.my/manfaat)  
 KEMENTERIAN KERJA RAYA @KKR\_MALAYSIA @MOWORKS KEMENTERIAN KERJA RAYA OFFICIAL




**KEMENTERIAN KERJA RAYA (KKR) MENERIMA **RM7.306 BILION** PERUNTUKAN BAGI TAHUN 2022.**

**BAJET MENGURUS **RM 823JUTA**  
BAJET PEMBANGUNAN **RM 6.483 BILION****

#Bajet2022 Keluarga Malaysia  
[budget.mof.gov.my/manfaat](https://budget.mof.gov.my/manfaat)  
 KEMENTERIAN KERJA RAYA @KKR\_MALAYSIA @MOWORKS KEMENTERIAN KERJA RAYA OFFICIAL

**Kerajaan juga akan terus melaksanakan projek-projek kecil dan sederhana bernilai **RM2.9 bilion** yang dikhususkan kepada kontraktor kelas G1 ke G4 di seluruh negara.**

Projek selenggara jalan, baik pulih infrastruktur dan peralatan usang universiti awam, politeknik dan kolej komuniti serta projek-projek lain melibatkan ameniti sosial di luar bandar.

#Bajet2022 Keluarga Malaysia  
[budget.mof.gov.my/manfaat](https://budget.mof.gov.my/manfaat)  
 KEMENTERIAN KERJA RAYA @KKR\_MALAYSIA @MOWORKS KEMENTERIAN KERJA RAYA OFFICIAL




**Projek-projek berskala kecil khusus untuk penyertaan Bumiputera sebanyak **RM200 juta**.**

#Bajet2022 Keluarga Malaysia  
[budget.mof.gov.my/manfaat](https://budget.mof.gov.my/manfaat)  
 KEMENTERIAN KERJA RAYA @KKR\_MALAYSIA @MOWORKS KEMENTERIAN KERJA RAYA OFFICIAL

